

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JHH 112 - Pengantar Sejarah

Masa : [3 jam]

Jawab **EMPAT (4)** soalan: **DUA** soalan daripada Bahagian A dan **DUA** soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

Jawab **DUA** soalan sahaja.

1. Dengan contoh-contoh yang sesuai bincangkan pendapat Muhd. Yusuf Ibrahim yang mengatakan:

"...sejarah merupakan catatan ataupun rekod mengenai sesuatu peristiwa yang telah berlaku pada suatu masa yang lalu."

(100 markah)

2. Mengapakah sumber perlu ditafsir dan bagaimanakah sumber-sumber itu ditafsir?

(100 markah)

3. "Kajian sejarah adalah kajian tentang sebab musabab." (Carr). Dengan contoh-contoh yang sesuai bincangkan pendapat Carr ini.

(100 markah)

4. Sebagai penyokong pengadilan moral, Voltaire mengatakan:

"Sejarah mengajar kita kewajipan-kewajipan dan hak-hak kita. Oleh kerana itu sejarah hendaklah bertindak sebagai pembela keadilan dengan memuji mereka yang berjasa dan memalukan mereka yang berdosa. Sejarah merupakan saksi, bukan pemuja."

Sejauh manakah anda bersetuju dengan pendapat Voltire ini?

(100 markah)

... 2/-

BAHAGIAN B

Jawab DUA soalan sahaja.

5. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan "historia"? Bagaimanakah "historia" ini diinterpretasikan oleh Herodotus dan Thucydides.

(100 markah)

6. Bincangkan ciri-ciri utama yang terdapat dalam pensejarahan Kristian.

(100 markah)

7. Huraikan tentang skop dan pokok perbincangan dalam pensejarahan Islam.

(100 markah)

8. Banding dan bezakan kaedah penyelidikan dan kajian yang digunakan oleh St. Augustina dengan Ibn Khaldun.

(100 markah)

- oooOooo -